

sijil

dilaksanakan bagi melatih kaum Bumiputera dalam pelbagai bidang Teknikal dan Kemahiran.

Latihan Kemahiran Tahap Sijil dilaksanakan di lima belas (15) Institut Kemahiran MARA (IKM) yang terdapat di seluruh Malaysia. IKM Kota Kinabalu mula dibuka pada 29 Julai 2002 dan menawarkan 6 kursus iaitu :

- Sijil Teknologi Baikpulih Badan Kenderaan.
- Sijil Teknologi Automotif.
- Sijil Teknologi Bangunan.
- Sijil Teknologi Senibina.
- Sijil Teknologi Elektrik Kuasa (Penjaga Jentera A-1).
- Sijil Teknologi Mekanikal Pemanasan, Pengudaraan, Penyaman Udara & Penyejukan.

SISTEM PEMBELAJARAN

Struktur latihan merangkumi pengajaran teori dan praktikal di samping menekankan kekompetenan / kecekapan bagi menjamin mutu kemahiran setiap pelatih.

Program dikendalikan oleh tenaga pengajar yang berdedikasi, terlatih dan berpengalaman. Peralatan – peralatan pembelajaran yang digunakan sentiasa bersesuaian dengan keperluan teknologi semasa.

KEMUDAHAN

Institut Kemahiran MARA Kota Kinabalu menyediakan kemudahan dan perkhidmatan seperti berikut :

- Asrama (Putera / Puteri)
- Dewan Makan & Kafetaria
- Perpustakaan
- Surau
- Perkhidmatan Kaunseling
- Kemudahan Sukan dan Permainan
- Koperasi
- Bas dan Van
- Perubatan
- Insuran berkelompok

BANTUAN PEMBIAYAAN

Pelatih yang Berjaya mengikuti latihan di Institut Kemahiran MARA layak mendapat elaun sara diri yang disediakan oleh MARA.

PENGAMBILAN

Pengambilan pelatih IKM dilakukan 2 kali setahun (Sesi Januari – Jun dan Sesi Julai - Disember)

YURAN PENGAJIAN

Yuran pengajian di IKM Kota Kinabalu mengikut kursus yang diambil oleh pelatih. Yuran ini hanya dibayar sekali sahaja. Berikut adalah senarai yuran pengajian.

Kursus	Yuran (RM)
Sijil Tek. Senibina	RM 543.00 (L) RM 545.00 (P)
Sijil Tek. Bangunan	RM 510.00 (L) RM 557.00 (P)
Sijil Tek. Automotif	RM 533.00
Sijil Tek. Baikpulih Badan Kenderaan	RM 528.00
Sijil Tek. Elektrik Kuasa (Penjaga Jentera A1)	RM 550.00
Sijil Tek. Pemanasan, Pengudaraan, Penyaman Udara & Penyejukan	RM 510.00 (L) RM 557.00 (P)

PROSPEK KERJAYA

Lepasan IKM boleh memilih untuk bekerja sama ada di sektor awam, swasta atau mewujudkan perniagaan dengan kemahiran yang diperolehi. Lepasan IKM juga berpeluang untuk menyambung pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam atau Swasta dan KKTM.

PERMOHONAN

Borang permohonan boleh diperolehi bila – bila masa daripada :

- ❖ Pejabat MARA Negeri Sabah.
- ❖ Pejabat – pejabat MARA Daerah.
- ❖ Institut Kemahiran MARA Kota Kinabalu.

* Sila bawa Sijil Asal & Salinan fotostat.